

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **SKMM SAMBUT BAIK PENGUMUMAN BAJET 2014**

**CYBERJAYA: 25 Oktober, 2013** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hari ini menyambut baik pengumuman Bajet 2014 oleh Perdana Menteri khasnya mengenai peruntukan kepada projek-projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), projek pembinaan kabel dasar laut dan menara pemancar telekomunikasi yang berjumlah RM5.75 bilion.

Pengerusi SKMM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi berkata, peruntukan itu membuktikan bahawa kerajaan terus memberi fokus serta prioriti terhadap usaha projek-projek jalur lebar yang mampu memberikan impak jangka panjang.

"Ini juga menunjukkan kerajaan terus prihatin terhadap pentingnya dan signifikan projek jalur lebar terhadap agenda transformasi nasional selain matlamat untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi," kata Dato' Mohamed Sharil.

"Jelas, kesinambungan dasar dan penerusan komitmen oleh kerajaan sesungguhnya satu petanda baik kepada pembangunan industri telekomunikasi tanah air," tambahnya lagi.

"Kami yakin dengan peruntukan tersebut yang diberikan dalam Bajet 2014 itu, usaha untuk merapatkan jurang digital serta pembudayaan gaya hidup digital yang lebih menyeluruh dapat direalisasikan."

Pada Bajet 2014 kali ini, sebanyak RM1.8 bilion telah diperuntukkan untuk projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) Fasa Kedua. Projek berkenaan yang akan dijalankan dengan kerjasama sektor swasta dijangka meningkatkan lagi kelajuan internet sedia ada sekarang kepada 10 megabit sesaat (mbps) yang akan memanfaatkan 2.8 juta isi rumah di seluruh negara.

[TAMAT]

# Kenyataan Media

## Press Release

**For Immediate Release**

### **MCMC HAIL THE 2014 BUDGET ANNOUNCEMENT**

**CYBERJAYA: 25 October, 2013** --- The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) today hailed the announcement by the Prime Minister of the Budget 2014 allocation notably for the High-Speed Broadband (HSBB) projects, including the submarine cable project and telecommunications transmission towers totaling RM5.75 billion.

MCMC Chairman, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi said, the allocation is a clear testament of the government's commitment in continuing to focus and prioritize efforts in broadband projects that could provide long-term impact.

"This also shows the government's continuing concern of the importance and significance of broadband projects in the national transformation agenda apart from the goal of becoming a high-income nation," said Dato' Mohamed Sharil.

"Indeed, the continuity and continuation of the government's policy augur well for the development of the country's telecommunication industry," he added.

"We are confident that with the allocation of the 2014 Budget, efforts to bridge the digital divide and nurture digital lifestyle can be realized."

For Budget 2014, a total of RM1.8 billion is allocated for the project High Speed Broadband (HSBB) Phase II. The project will be conducted in collaboration with the private sector is expected to enhance our current internet speed to 10 megabits per second (mbps) which will benefit 2.8 million households across the country.

[END]



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman  
Penasihat Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1007    E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)